

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN DI STADIUM NEGERI BATU KAWAN, PULAU PINANG

A. PERMOHONAN DAN PENYEWAAN

1. Semua permohonan penggunaan melibatkan penggunaan kemudahan sukan seperti trek / balapan / padang bolasepak / gelanggang sukan boleh dibuat secara bertulis kepada :-

**Pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan
PDC Setia Urus Sdn. Bhd.
Batu Kawan, 14100 Batu Kawan
Pulau Pinang
No.Tel / Faks : 04-5874951**

2. Manakala, sebarang permohonan untuk menggunakan kemudahan melibatkan majlis / program/ keraian/ penggunaan tapak/ kejohanan sukan di Stadium Negeri Batu Kawan hendaklah dibuat secara bertulis kepada :-

**Ketua Pegawai Eksekutif
PDC Setia Urus Sdn. Bhd.
Arked Tek Soon 4,
Fasa 1C1, 4.03-4.11,
KOMTAR , Pulau Pinang.
U/P: Tempahan Stadium Negeri Batu Kawan**

No.Tel : 04-2623705 / Faks : 04-2622401

3. Hanya permohonan yang diluluskan sahaja akan dibenarkan untuk menggunakan kemudahan di Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang.
4. Bayaran sewaan dan cagaran hendaklah dijelaskan sama ada melalui pembayaran melalui Cek Berpalang/Tunai/EFT di atas nama akaun PDC Setia Urus Sdn Bhd, Bank CIMB Berhad, Cawangan Prangin Mall No. Akaun: 8003852254.
5. Kesemua bayaran hendaklah dibayar oleh penyewa dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pengesahan.
6. Sekiranya bayaran sewa dan wang cagaran kerosakan tidak dibayar dalam tempoh dua minggu dari tarikh surat penyewaan, maka PDC Setia Urus Sdn Bhd berhak membatalkan tempahan tersebut tanpa notis.
7. Sekiranya penyewa membatalkan tempahannya sebelum tarikh acara sebenar, maka keseluruhan daripada wang cagaran akan dilesapkan.
8. Sekiranya penyewa membuat perubahan tarikh acara, maka 50% daripada wang cagaran akan dilesapkan.
9. Pengguna / Penyewa perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan mana-mana kemudahan di Stadium Negeri Batu Kawan, Pulau Pinang.
10. Pengguna tidak dibenarkan menggunakan trek/ balapan/ padang bolasepak/ gelanggang/ tapak sebelum dan selepas tamat tempoh yang dibenarkan.

11. Pengguna hendaklah menggunakan trek/ balapan/ padang bolasepak/ gelanggang/ tapak yang disewa/ ditentukan sahaja.
12. Untuk penggunaan trek/ balapan/ padang bolasepak/ gelanggang - Kasut yang dipakai hendaklah sesuai dengan permainan/ aktiviti. Kasut bertapak kulit, plastik, kasut kasual dan sebarang tapak yang boleh merosakkan trek/ balapan/ padang bolasepak/ gelanggang tidak dibenarkan sama sekali.
13. Semua pengguna diminta sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan/kehilangan perlu diganti oleh pengguna/penyewa
14. Kawasan Stadium merupakan kawasan larangan merokok. Pengguna/Penyewa adalah dilarang untuk merokok dalam kawasan trek/balapan/padang bolasepak di Stadium Negeri Batu Kawan.
15. Pengguna/Penyewa tidak dibenarkan untuk membawa masuk sebarang kenderaan/binatang peliharaan ke dalam kawasan trek/balapan/padang bolasepak/ gelanggang/tapak di Stadium Negeri Batu Kawan.
16. Pengguna/Penyewa tidak dibenarkan mengorek/menggali mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan (trek/balapan/padang bolasepak/ gelanggang/tapak serta dewan untuk tujuan mendirikan khemah/kanopi atau sebagainya tanpa kebenaran daripada PDC Setia Urus Sdn. Bhd
17. Untuk penganjuran sebarang aktiviti yang melibatkan pembinaan pentas atas Padang / trek, penganjur diminta untuk menyediakan dan memasang pelapik (Terraplas) padang/trek merangkumi kawasan pembinaan pentas dan khalayak ramai.
18. Bagi kegiatan-kegiatan/aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada agensi-agensi yang berkaitan (contohnya Bahagian Pelesenan MPSP, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.
19. Sebarang sependuk (banner) /poster/ papan tanda tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan kecuali mendapat kebenaran daripada Pengurus Fasiliti PDC Setia Urus Sdn. atau Penyelia Stadium.
20. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada stadium/ kompleks sukan kecuali dengan kebenaran daripada Pengurus Fasiliti PDC Setia Urus Sdn. atau Penyelia Stadium.
21. Pengguna/Penyewa tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana - mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan/tapak Stadium Negeri Batu Kawan.
22. Pengguna/Penyewa dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke dalam sinki dan lubang tandas serta aktiviti cuci mencuci di dalam tandas atau kawasan stadium.

23. Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
24. PDC Setia Urus Sdn dan Pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan tidak bertanggung-jawab atas sebarang kemalangan / kecederaan /kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu sepanjang tempoh penggunaan / penyewaan kompleks sukan.
25. PDC Setia Urus Sdn. Bhd. dan Pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan / kehilangan mana-mana kenderaan yang diletakkan di perkarangan meletak kenderaan.
26. Penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.
27. Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula (meminda hal penyewaan) kepada orang lain atau pihak ketiga.
28. PDC Setia Urus Sdn. Bhd. berhak membatalkan mana-mana tempahan / mengubah masa / gelanggang / venue yang dibuat pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan PDC Setia Urus Sdn. Bhd. dan Kerajaan dengan memberikan notis sama ada secara bertulis atau telefon.

B) WANG CAGARAN / DEPOSIT

1. Wang Cagaran / Deposit sebanyak 30% daripada kadar sewaan asal akan dikenakan sekiranya penyewaan/penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/ perlawanan, majlis/program atau penyewaan/penggunaan secara harian.
2. Untuk mendapatkan pulangan balik wang cagaran, penyewa perlu mengisi Borang Pulangan Balik Wang Cagaran yang boleh didapati di Pejabat Pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan atau PDC Setia Urus Sdn. Bhd. Resit Rasmi perlu disertakan dan diserahkan kembali kepada pihak PDC Setia Urus Sdn. Bhd. apabila deposit diambil balik.
3. Wang Cagaran / Deposit akan dikembalikan setelah PDC Setia Urus Sdn. Bhd. dan Pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan mendapati semua syarat - syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi.
4. Wang cagaran / Deposit akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan,kerosakan akibat penyewaan/penggunaan atau hal-hal kebersihan.

C) PENGURANGAN / PENGECUALIAN KADAR SEWAAN

1. Sebarang permohonan untuk pengurangan dan pengecualian kadar sewaan hendaklah dibuat secara bertulis untuk pertimbangan dan kelulusan **PDC**.
2. Pengecualian kadar sewaan tidak termasuk bayaran untuk Wang Cagaran / Deposit sebanyak 30% daripada kadar sewaan asal akan dikenakan sekiranya penyewaan/ penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/ perlawanan, Majlis/ program atau penyewaan/ penggunaan secara harian bagi memastikan kepentingan kerajaan dilindungi setiap masa.